

**DUA WAJAH: TAHANAN TANPA BICARA.** Oleh Syed Husin Ali. Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya. ISBN 978-983-3782-58-1

Respon daripada tsunami politik yang berlaku dalam negara, kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah populis dengan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 15 September 2011. Hal ini kerana Akta ISA yang diluluskan pada tahun 1960 telah menimbulkan perdebatan terbuka dalam kalangan rakyat dan menjadi antara isi utama dalam perjuangan parti pembangkang. Walau bagaimanapun polemik Akta ISA ini sebenarnya memberi makna dalam proses kematangan pembinaan negara Malaysia.

Penulisan genre biografi telah mendapat tempat dan menarik minat dalam kalangan pembaca untuk mengetahui daripada sumber primer. Justeru buku Dua Wajah: Tahanan Tanpa Bicara merupakan bentuk penulisan separa biografi tetapi menjadi sumber primer dalam mengetahui berkenaan pelaksanaan Akta ISA yang kontroversi ini. Walaupun setiap tahanan ISA ini mempunyai pengalaman yang berbeza di antara satu sama lain, namun melalui buku ini sedikit sebanyak telah memberi gambaran kepada pembaca tentang pelaksanaan Akta ini sebenarnya.

Karya ini dicetak buat kali pertama dan diterbitkan oleh Penerbit INSAN pada tahun 1996. Pembukuan ini telah mendapat sambutan serta diulang cetak dan seterusnya diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris. Manakala SIRD (The Strategic Information and Research Development Centre) telah menerbitkan semula karya ini pada tahun 2008. Penerbitan pada tahun 2008 adalah sejajar dengan gerakan bersepadu NGO bersama Parti Pembangkang yang bersatu atas dasar perjuangan 'Gerakan Mansuhkan ISA'. Biarpun kini, Akta ISA ini telah dihapuskan dan menjadi nota sejarah namun pada hemat penulis ia masih kekal relevan sebagai panduan ilmu kepada para pembaca. Hal ini kerana dalam pasca penghapusan ISA terdapat banyak isu global yang mendedahkan negara kepada pelbagai risiko yang lebih kompleks. Justeru kerajaan telah memperkenalkan sebuah akta baharu yang dikenali sebagai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau ringkasnya SOSMA. SOSMA ini diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April 2012, serta mendapat perkenan Diraja pada 18 Jun 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2012.

Justifikasi terhadap pemilihan buku ini bukan semata-mata tentang Akta ISA, tetapi lebih berkaitan tentang sejarah sosial yang berlaku ketika itu kerana buku ini sarat dengan pelbagai peristiwa pada sepanjang tempoh penahanan penulis pada Disember 1974 hingga September 1980. Dicatatkan juga tentang tokoh-tokoh penting negara yang terlibat ketika itu, keadaan iklim politik, isu-isu kemasyarakatan, masalah perkauman, hal-ehwal pentadbiran dan lain-lain yang memberi kefahaman secara tidak langsung kepada pembaca yang melatari episod sepanjang tempoh penahanan penulis di bawah Akta ISA.

Arus perdana mengenali Dr Syed Husin Ali sebagai tokoh politik pembangkang yang berprinsip kerana penglibatan beliau secara aktif dan konsisten dalam Parti Pembangkang di Malaysia. Beliau pernah mengetuai Parti Rakyat Malaysia sebagai Presiden, turut terlibat dalam reformasi politik dengan menggabungkan Parti Rakyat Malaysia dengan Parti Keadilan Nasional dan membentuk Parti Keadilan Rakyat di mana beliau menjadi Timbalan Presiden. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Namun demikian, hakikatnya tokoh politik ini sebenarnya adalah seorang ahli akademik di mana jawatan hakiki beliau adalah Profesor Antropologi dan Sosiologi di Universiti Malaya. Berlatar belakang pendidikan Doktor Falsafah di London School of Economic and Politic Science dan berpengalaman selama 28 tahun sebagai Profesor di Universiti Malaya merupakan aset dalam penghasilan karya ini biarpun dalam kala waktu dan sumber yang terbatas. Sebagaimana Buya Hamka yang telah menghasilkan Tafsir Al Azhar semasa beliau dipenjarakan oleh pemerintah Indonesia, maka niat yang sama dilakukan oleh Dr Syed Husin Ali yang turut menukilkan karya yang berbeza dengan menjuruskan hasil pengalaman beliau sendiri semasa ditahan di bawah Akta ISA ini. Oleh kerana itu, gaya penyusunan buku ini adalah kemas kerana mengikut kronologi yang membantu secara langsung kepada pembaca untuk memahami gaya penulisan buku ini. Walaupun buku ini boleh dikelompokkan separa akademik tetapi disebabkan oleh penulis itu adalah ahli akademik maka penulisan dalam buku ini disertakan sekali beberapa maklumat berupa fakta untuk membantu para pembaca bagi mengetahui lebih mendalam lagi terhadap peristiwa yang berlaku. Para pembaca turut dapat bersama menjiwai pengalaman penulis sewaktu ditahan di bawah Akta ISA kerana gambaran yang diketengahkan berjaya disampaikan dengan begitu baik sekali sama ada dalam dalam suasana cemas, santai, sedih dan gembira.

Buku setebal 176 halaman ini merangkumi 12 bab. Disertakan lampiran dua surat dan 16 koleksi gambar sebagai rujukan sampingan. Setiap tajuk bab pula adalah ringkas dan memudahkan kefahaman para pembaca. Setiap bab disusun dengan teknik penceritaan yang selaras dengan tema bab dan berkesinambungan di antara satu bab dengan bab yang lain. Setiap detik waktu, nama dan perwatakan yang terlibat, apa yang berlaku pada ketika itu dan suasana sekitar dinyatakan dengan begitu baik sebagai sokongan dalam karya ini. Tajuk 'Penangkapan' merupakan tema dalam Bab Satu yang mengandungi 11 halaman. Di dalam bab ini menceritakan detik-detik awal penulis ditahan di bawah Akta ISA. Penahanan ini adalah susulan Peristiwa Baling (hlm 1) yang tercetus pada 22 dan 25 November 1974. Peristiwa yang pada peringkat awalnya melibatkan gerakan pelajar dan reflek daripada itu, pihak kerajaan telah bertindak balas dengan menguatkuasakan Akta ISA ini. Di antara individu yang ditahan di bawah Akta ini adalah penulis sendiri. Dalam bab ini didetailkan kaedah penahanan dan penerimaan penulis serta ahli keluarganya. Dalam Bab Dua, penulis memfokuskan tema 'Dalam Lokap' yang mempunyai 11 halaman. Penulis berjaya menggambarkan suasana lokap tempat beliau ditahan (hlm 12). Gambaran yang dilakarkan bukan sahaja meliputi keadaan tempat tetapi turut menggambarkan suasana, masa dan individu-individu yang terlibat sama. Pembaca turut dibawa bersama dalam membayangkan tempat penahanan penulis.

Berikutnya dalam Bab Tiga, tema yang diketengahkan adalah tentang ‘Soal Siasat’. Sebanyak 14 halaman yang terkandung dalam bab ini (hlm 30). Di sini penulis telah memperincikan tentang situasi semasa sewaktu soal siasat itu berlangsung. Pembaca turut diperkenalkan dengan beberapa watak, didedahkan dengan beberapa jenis bentuk soalan, dan keadaan emosi serta fizikal penulis. Melalui bab ini, pembaca turut sama dapat berkongsi rasa dan perasaan bersama penulis serta memahami dengan lanjut tentang prosedur pelaksanaan Akta ini. Seterusnya Bab Empat memfokuskan pula tema ‘Perintah Tahanan’ yang meliputi 12 halaman. Di dalam bab ini penguatkuasaan Akta ISA terpakai secara sah ke atas penulis. Penulis menerima perintah tahanan (hlm 39) di dalam bab ini. Selain itu, penulis turut merakamkan beberapa momen beliau bersama ahli keluarganya (hlm 43). Perintah tahanan merupakan pengesahan penahanan seseorang di bawah Akta ISA ini. Justeru episod penahanan di bawah Akta ISA ini ditandai dalam bab ini.

Pelaksanaan Akta ISA adalah melalui penahanan tanpa bicara yang bertempat di Kem Kamunting. Dalam bab ini, penulis dengan teliti telah memberi serba serbi gambaran tentang kehidupan seharian di kem tahanan (hlm 49). Penulis turut menyatakan beberapa peristiwa yang terjadi dan hubungan sosial beliau ketika berada di sana untuk pengetahuan am para pembaca semuanya adalah terkandung dalam Bab Lima yang bertajuk ‘Dalam Kem’ yang mempunyai 15 halaman. Seterusnya dalam Bab Enam pula, tentang ‘Lembaga Penasihat’ (10 halaman). Dalam bab ini, penulis telah menerangkan tentang kewujudan Lembaga Penasihat (hlm 64) yang kebarangkalian kurang disedari oleh masyarakat awam. Bidang kuasa, proses dan responsif penulis dinyatakan dengan jelas di dalam bab ini. Kewujudan badan ini sebagai perantara di antara individu yang ditahan dengan pihak kerajaan. Jawapan terhadap penuduhan dinyatakan secara terperinci dalam bab ini (hlm 66).

Episod dalam Bab Tujuh adalah berkenaan tentang ‘Tawaran Bebas’ yang terkandung di dalam bab ini yang mempunyai lapan halaman muka surat. Pembaca dapat mengetahui berkenaan proses lanjutan penahanan atau sebaliknya seseorang tahanan adalah bergantung kepada syarat yang telah ditetapkan (hlm 75). Sekalipun tempoh penahanan tanpa bicara berjalan selama dua tahun, namun dinukilkan juga terdapat proses untuk membebaskan tahanan lebih awal. Namun atas dasar prinsip perjuangan, syarat yang menjadi kunci untuk penulis dibebaskan telah ditolak oleh penulis berdasarkan pertimbangan dan rasional penulis sendiri. Dalam bab ini diketengahkan juga senario dan perbualan penulis ketika proses itu berlangsung. Kemuncak buku ini pada Bab Lapan iaitu dalam tajuk ‘Diculik’ yang mempunyai 11 halaman. Berkesinambungan dengan penolakan syarat yang diberi oleh penulis, dalam bab ini pembaca turut berkongsi perasaan apabila penulis mencatatkan pengalaman yang paling menakutkan pada sepanjang penahanan beliau di bawah Akta ini apabila penulis diculik (hlm 89). Dalam bab ini pelbagai bentuk perasaan dinyatakan dengan jelas dan bermulanya episod hitam dalam kehidupan penulis.

Seterusnya dalam Bab Sembilan dalam tajuk ‘Penyiksaan’ yang merangkumi halaman muka surat terbanyak iaitu 23 halaman. Kegerunan dan pelbagai peristiwa berjaya disampaikan oleh penulis dalam bab ini. Pembaca turut didedahkan dengan beberapa peristiwa dan tokoh penting yang ada ketika itu sebagai salah satu cara provokasi. Sebarang bentuk tuduhan yang dilemparkan dinyatakan sehingga para pembaca seolah-olah berada pada kedudukan penulis. Manakala dalam Bab 10 berkisar tentang tajuk ‘Deraan Jiwa’ yang mengandungi 22 halaman. Selain deraan fizikal, penulis turut mengakui terdapat juga bentuk deraan mental dan jiwa (hlm 120). Bentuk deraan sebegini adalah bertujuan untuk orang tahanan mengaku bersalah dan pasrah terhadap tuduhan. Dalam bab ini pembaca turut dibawa untuk bersama-sama menyelami keadaan penulis ketika itu. Bentuk deraan jiwa di sini bukan semata-mata semasa proses soal jawab berlangsung tetapi turut melibatkan penafian hak penulis sebagai orang tahanan.

Dua bab akhir terkandung dalam Bab 11 yang bertajuk ‘Kamunting Semula’ (16 halaman) dan Bab 12 yang bertajuk ‘Bebas’ (sembilan halaman). Setelah melalui fasa penahanan selama enam bulan di luar Kamunting, penulis telah dibawa kembali ke kamunting. Ketika ini penulis turut menggambarkan perbandingan ketika awal beliau dimasukkan sebelum itu. Penulis telah membuat beberapa perbandingan ketika awal beliau ditahan dengan masa beliau ditahan semula. Banyak perkara yang diceritakan dan penulis turut berkongsi aktiviti beliau di sana. Bab akhir mencatatkan momen yang sangat ditunggu akhirnya tiba apabila dalam bab ini penulis telah dibebaskan setelah lima tahun, sembilan bulan dan 18 hari ditahan di bawah Akta ISA. Pembebasan ini memberi pelbagai pengertian yang bukan sahaja kepada penulis tetapi juga kepada pembaca. Penulis turut mengemukakan perasaan penulis dan secara langsung turut menyentuh hati pembaca khususnya yang berkeluarga tentang erti perjuangan.

Secara kesimpulannya, walaupun karya ini adalah berkisar tentang pengalaman hidup penulis sewaktu ditahan di bawah Akta ISA, namun kebanyakan penama yang tercatat dan terlibat sama dalam penahanan tersebut merupakan tokoh-tokoh yang masih berpengaruh dan dikenali di dalam dan luar negara. Banyak isu-isu dan peristiwa yang dinukilkan merupakan perkara baharu buat orang awam yang kebarangkaliannya tiada dalam arus perdana, proses penahanan di bawah Akta ISA tentang prosedur serta segala bentuk pelaksanaannya yang melibatkan penahanan individu selain penulis. Selain itu, teknik penceritaan buku ini bukan sahaja eksklusif tentang diri penulis tetapi turut meliputi institusi yang ada dalam negara, masyarakat dan keluarga. Melalui buku ini para pembaca bukan sahaja dapat mengenali penulis dengan lebih mendalam dan dekat tetapi turut sama dapat meneroka sejarah negara pasca kemerdekaan sehingga kini.

**Hairol Anuar Hj Mak Din**

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor